

18 AUG 1999

Malaysia-China (Fokus)

HUBUNGAN MALAYSIA-CHINA JANGKAU BATASAN MASA

(Sempena Perayaan Ulangtahun ke-25 hubungan diplomatik Malaysia-China)

Oleh: Ali Mamat

BEIJING, 18 Ogos (Bernama) -- Perayaan ulangtahun ke-25 terjalannya hubungan diplomatik antara Malaysia dan Republik Rakyat China yang dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini malam esok tidak semestinya mencerminkan sejarah perhubungan sebenar kedua-dua buah negara.

Ini kerana bukti-bukti sahih sejarah menunjukkan jalinan persaudaraan dan muhibah antara pemimpin dan rakyat kedua-dua buah negara itu telah bermula sejak beribu-ribu tahun yang lampau, tetapi mula dirakamkan secara rasmi pada zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15.

Upacara menandatangani perjanjian hubungan diplomatik yang dilakukan di sini oleh Perdana Menteri kedua Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dan rakan sejawatannya dari China, mendiang Chou En-Lai pada 31 Mei 1974 adalah sekadar formaliti bagi memperbaharui hubungan yang terenggang oleh faktor-faktor luar jangkauan.

Ia termasuk kehancuran kerajaan Melayu apabila Melaka ditawan Portugis pada 1511 dan pergolakan politik di China sendiri yang menyaksikan kehancuran sistem feodal pada awal abad ini, penjajahan Jepun ke atas China dan seterusnya cetusan revolusi yang menyaksikan tegaknya sistem pemerintahan komunis di negara yang mempunyai lebih satu bilion penduduk ini.

Menurut sejarah, hubungan rasmi yang pertama antara kedua-dua buah negara bermula dengan lawatan Laksamana Yin Ching ke Melaka pada 1403.

Ia dipereratkan lagi oleh pengiktirafan Maharaja China terhadap kedaulatan Melaka sebagai sebuah negara bebas dan merdeka pada 1405.

Ini sekaligus membuka ruang lebih luas kepada pertukaran lawatan dan perdagangan antara pembesar dan rakyat kedua-dua negara, sehingga akhirnya terjalin hubungan silaturrahim apabila seorang sultan Melaka, Sultan Mansor Shah dikahwinkan oleh Maharaja China dengan seorang puterinya, Hang Li Po.

Walaupun hubungan rasmi kedua-dua buah negara terputus dengan penaklukan Portugis ke atas Melaka, hubungan antara rakyat masing-masing tidak pernah terhenti.

Tun Razak bagaimanapun melihat perhubungan tidak rasmi itu tidak memanfaatkan kedua-dua negara dan tidak juga membantu kestabilan politik dan keamanan serantau.

Lantas Tun Razak memberi lampu hijau bagi merintis usaha ke arah tercantumnya kembali perhubungan itu secara rasmi.

Lalu bermulalah usaha itu sejak 1971 apabila beberapa delegasi sosial daripada Malaysia diizinkan berkunjung ke China.

Seorang daripada rakyat Malaysia yang terbabit secara langsung merintis jalan perhubungan itu ialah bekas menteri perumahan Datuk Michael Chen yang turut hadir sebagai tetamu kehormat pada sambutan ulangtahun ke-25 hubungan diplomatik Malaysia-China malam esok.

Menurut Michael, berbagai-bagai cara diusahakan untuk pemulihan hubungan itu, termasuk apa yang dikenali sebagai "Diplomasi Ping-Pong".

"Saya ditugas memimpin satu pasukan ping-pong dari Malaysia untuk mengadakan perlawanan persahabatan dengan pasukan China di Beijing.

"Keputusan pertandingan itu tidak penting. Apa yang lebih bermakna bagi kedua-dua negara ialah kesan pertandingan itu menimbulkan nostalgia hubungan sejarah yang beratus-ratus tahun antara kedua-dua negara sehingga akhirnya terjalinlah semula hubungan rasmi pada 1974," kata Michael ketika ditemui di sini hari ini.

Hasil perjanjian itu, perhubungan Malaysia-China terus dipertingkatkan, seperti yang dapat disaksikan daripada kadar perdagangan dua hala serta lawatan sesama rakyat.

Menurut Duta Malaysia di China Datuk Abdul Majid Ahmad Khan selain pelaburan yang membabitkan kemasukan modal China ke Malaysia dan sebaliknya, yang begitu besar sekarang, nilai perdagangan dua hala juga terus meningkat.

Umpamanya, sejak termeterainya perjanjian perdagangan dua hala antara Malaysia dan China pada 1988, nilai perdagangan Malaysia dengan negara komunis ini telah melonjak daripada RM2.4 bilion kepada RM15 bilion pada tahun lalu.

Nilai eksport Malaysia ke China pada tahun lalu ialah RM7.8 bilion manakala nilai importnya pula ialah RM7.2 bilion.

Kata Abdul Majid, nilai eksport dan import itu adalah peningkatan sebanyak 15.5 peratus daripada nilai pada 1997.

Katanya daripada segi pelaburan, nilai tanaman modal rakyat Malaysia di China sehingga September 1998 ialah kira-kira 1.38 bilion dolar Amerika. Nilai pelaburan China di Malaysia tidak diperolehi tetapi kebanyakannya terbabit dalam sektor perkayuan, besi dan keluli.

Daripada segi lawatan sesama rakyat pula, jumlah rakyat China yang berkunjung ke Malaysia meningkat daripada 106,878 orang pada 1994 kepada 263,950 orang pada tahun lepas.

Rakyat Malaysia yang melawat China pula meningkat daripada 251,758 orang pada 1995 kepada 300,000 orang tahun lalu.

Menurut Abdul Majid, bagi mengukuhkan lagi kerjasama Malaysia-China, beberapa perjanjian telah ditandatangani antara kedua-dua buah negara.

Ia termasuk Perjanjian Mengelak Cukai Dua Kali (1985), Perjanjian Pengangkutan Laut (1987), Perjanjian Jaminan Pelaburan (1988), Perjanjian Perkhidmatan Udara (1988), Memorandum Persefahaman Berhubung Informasi (1992) dan Kerjasama Sains dan Teknologi (1992).

Sambutan ulangtahun ke-25 hubungan diplomatik Malaysia-China malam esok dibuat sempena lawatan kerja tiga hari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke sini yang bermula hari ini.

Dr Mahathir pastinya menjadikan lawatan ini sesuatu yang boleh diabadikan untuk faedah rakyat kedua-dua buah negara untuk selama-lamanya.

Justeru itulah beliau membawa bersama-samanya sejumlah menteri dan puluhan kaum usahawan yang akan terus menerokai ruang bagi meningkatkan lagi hubungan ekonomi, sosial dan kebudayaan antara kedua-dua buah negara.

Tun Razak telah merintis jalan ke arah itu dan kini Dr Mahathir terus memupuk dan menyiraminya demi kesejahteraan sejagat.

-- BERNAMA

AM RON